

KPTN 2015

bermula 11 FEB

Ahad ini

KUANTAN 10 Feb. - Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2015 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan diadakan pada Sabtu dan Ahad ini di Pusat Konvensyen Sultan Ahmad Shah, The Zenith Hotel di sini bermula pada pukul 9 pagi hingga 6 petang.

Karnival yang memasuki tahun ke-11 dengan menggunakan tagline itu 'Jom Masuk IPT' itu memilih negeri ini sebagai lokasi pertama daripada lapan zon kesemuanya.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya berbangga apabila dipilih sebagai peneraju dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi menjayakan KPTN 2015 bagi zon pertama.

"Acara ini merupakan medan di mana UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersama kementerian dan rakan IPT lain untuk menunaikan tanggungjawab sosial dalam menyampaikan maklumat dan peluang pengajian tinggi yang terdapat di negara ini.

"Objektif utama ialah mahu mendidik dan memotivasikan para pemohon agar mereka dapat membuat pilihan pendidikan yang selari dengan kelayakan atau pencapaian.

"Saya harap program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran yang ditetapkan bagi mendapatkan maklumat bagi membolehkan mereka membuat pilihan program yang tepat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Daing Nasir, beliau mengalu-alukan kehadiran masyarakat setempat ke karnival ini bagi mendapatkan informasi yang tepat mengenai peluang melanjutkan pengajian dan pembiayaan yang disediakan kerajaan.

"Pemohon yang berhasrat untuk mendapatkan tempat pengajian juga berpeluang menggunakan permohonan kemasukan ke IPTA melalui aplikasi dalam talian sepanjang karnival berlangsung," katanya.